

**D.R. 19/2017**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

- 1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2017.
  - (2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
  - (3) Walau apa pun subseksyen (2), seksyen 3 disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 November 2011.

### **Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan sebelum takrif “barang-barang” takrif yang berikut:

“ “Akta ini” termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;”.

### **Pindaan seksyen 3**

**3.** Subseksyen 3(5) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “atau” dengan perkataan “dan”.

### **Pindaan seksyen 15**

**4.** Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi apa-apa iklan yang dibuat dalam penjalanan perdagangan atau perniagaan yang ditetapkan di bawah seksyen 10B Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*].

(3) Setakat yang berhubungan dengan seksyen 9 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], orang berdaftar hendaklah mematuhi apa-apa garis panduan yang berhubungan dengan pempameran, pengiklanan, penyiaran atau penyebutan harga yang dikeluarkan oleh Pengawal selepas berunding dengan Ketua Pengarah Kastam dan Eksais.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

“Ketua Pengarah Kastam dan Eksais” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*]; dan

“orang berdaftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.”.

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011 (“Akta 730”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 730 untuk memasukkan tafsiran “Akta ini” ke dalam Akta 730.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(5) teks bahasa kebangsaan Akta 730 supaya selaras dengan teks bahasa Inggeris.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 730 dengan menomborkan semula seksyen 15 sebagai subseksyen 15(1) dan dengan memasukkan subseksyen baharu (2), (3) dan (4).

Subseksyen 15(1) Akta 730 yang dinomborkan semula memperuntukkan bahawa jika dalam mana-mana iklan, harga apa-apa barang atau perkhidmatan disebut, harga itu hendaklah, melainkan jika ternyata sebaliknya, disifatkan termasuk semua cukai dan duti kerajaan yang layak dan apa-apa caj lain. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] juga dipinda untuk memasukkan seksyen baharu 10B yang memperkatakan harga terangkum. Oleh yang demikian, subseksyen 15(2) yang dicadangkan dimasukkan ke dalam Akta 730 yang tujuannya adalah untuk mengecualikan pemakaian subseksyen 15(1) Akta 730 kepada apa-apa perdagangan dan perniagaan yang ditetapkan di bawah seksyen baharu 10B Akta 723.

Kemasukan subseksyen 15(3) ke dalam Akta 730 bertujuan untuk menghendaki orang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] untuk mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Pengawal selepas berunding dengan Ketua Pengarah Kastam dan Eksais bagi maksud penyelarasan antara arahan Ketua Pengarah Kastam dan Eksais berhubung dengan pempameran harga yang menyentuh cukai barang dan perkhidmatan dengan garis panduan Pengawal berhubung dengan pempameran harga.

Kemasukan subseksyen 15(4) ke dalam Akta 730 bertujuan untuk memperuntukkan takrif “Ketua Pengarah Kastam dan Eksais” dan “orang berdaftar” yang disebut dalam subseksyen 15(3) yang dicadangkan.

## *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3041]